

# Abdullah yakin kemampuan Musa

KUALA LUMPUR 8 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya pelantikan Tan Sri Musa Hassan, 55, sebagai Ketua Polis Negara (KPN) mampu meningkatkan reputasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke peringkat yang lebih membanggakan.

Menurutnya, Musa merupakan seorang yang sangat sesuai mengisi jawatan tersebut yang sebelum ini dipegang oleh Tan Sri Mohd. Bakri Omar.

"Saya percaya dia (Musa) seorang yang terbaik untuk mengisi jawatan tersebut dan mampu meningkatkan pencapaian pasukan PDRM ke peringkat yang lebih membanggakan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Pameran Al-Quran di Muzium Kesenian Islam, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas pelantikan Musa sebagai Ketua Polis Negara yang baru menggantikan Mohd. Bakri yang bersara selepas 25 tahun berkhidmat dalam PDRM.

Musa yang sebelum ini memegang jawatan Timbalan Ketua Polis Negara, dilantik mengisi jawatan tersebut berkuat kuasa 12 September ini.

Pengumuman mengenai pelantikan Musa itu dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri merangkap Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof dalam satu kenyataan semalam.

Perdana Menteri berkata, Musa mempunyai reputasi yang baik dan atas alasan itu, beliau berpendapat, Musa berkeupayaan meningkatkan kredibiliti dan imej PDRM ke peringkat yang tertin;

Abdullah turut menyifatkan Musa sebagai seorang yang sentiasa berusaha menyemai amalan integriti dalam kepimpinannya.